

Henti serta-merta forum kebebasan beragama: PM

Isu sensitif beri kesan negatif terhadap perpaduan masyarakat pelbagai kaum

Oleh Anwar Hussin dan Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Kumpulan Artikel 11 berhenti serta-merta daripada menganjurkan Forum Kebebasan Beragama kerana ia sensitif terhadap perpaduan masyarakat pelbagai agama dan kaum.

Perdana Menteri menegaskan, forum itu tidak perlu diteruskan kerana implikasi negatifnya terhadap masyarakat Malaysia yang menganut pelbagai agama dan boleh mencetuskan ketegangan kaum.

"Sebelum ini, saya sudah meminta forum itu ditangguhkan... tidak perlu diteruskan. Situasi sekarang semakin membimbangkan kita semua. Jangan aktifkan kegiatan itu... berhentilah.

"Majlis Tertinggi (MT) Umno bimbang dengan isu agama yang hangat dibincangkan sekarang. Kalau tidak dibendung dengan berhati-hati, akan mewujudkan situasi bertentangan di

kalangan rakyat," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat MT, selama kira-kira empat jam di ibu pejabat Umno, di sini semalam.

Perdana Menteri menegaskan, Kerajaan tidak bersikap lepas tangan dalam meneliti perkembangan semasa berkaitan isu berkenaan tetapi mahu semua pihak tidak mengambil tindakan yang boleh mengeruhkan lagi suasana.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta media massa supaya tidak membesar-besarkan isu berkenaan bagi membantu mengekalkan keharmonian kaum.

"Isu agama amat sensitif, malah ia lebih sensitif daripada isu kaum. Akhbar perlu melaksanakan tanggungjawab dengan tidak menyiarkan perkara yang menaikkan kemarahan... seluruh rakyat harus berhati-hati," tegasnya.

Ditanya mengenai forum berkenaan yang dianjurkan di sebuah hotel di Johor Baharu, Ahad lalu, Abdullah

menegaskan, forum itu diadakan berdasarkan pihak tertentu yang mahu ia diadakan.

Kumpulan Artikel 11 yang diwakili 13 pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk Majlis Peguam Malaysia berkempen bagi mendapatkan sokongan meminda Artikel 11 dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh hak kebebasan beragama.

Kegiatan itu dibantah Pertubuhan Pembela Islam yang disertai pelbagai NGO berkaitan Islam seperti Persatuan Ulama Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Teras Pengupayaan Melayu (Teras) dan Peguam Pembela Islam yang menganjurkan forum khusus bagi membincangkan perkara berkenaan di Masjid Wilayah Persekutuan, di sini, Ahad lalu.

Mengenai kekejaman Israel terhadap masyarakat Islam di Lubnan dan Palestin, Abdullah berkata, beliau selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sudah menulis surat kepada pemimpin negara anggotanya itu untuk mengadakan satu

sidang tergepar mengenai perkara itu.

"MT hari ini (semalam) amat kecewa dan sedih dengan perkembangan di Lubnan. Serangan bertalu-talu Israel menyebabkan ramai yang mati dan sejuta orang meninggalkan Lubnan. Jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) meminta Malaysia menghantar tentera pengaman, kita sedia melakukannya," katanya.

Abdullah juga berkata, kempen keahlian Umno yang dilaksanakan Januari hingga 30 Jun lalu berjaya menambah 85,296 ahli baru dengan Terengganu mencatatkan jumlah paling tinggi seramai 19,892 orang diikuti Johor (13,113) dan Sabah (9,877).

Diminta mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk berjumpa ahli Umno bagi memberi penjelasan isu semasa, Abdullah berkata, pemimpin dan ahli Umno perlu memelihara perpaduan Umno.

"Kita ahli Umno. Jaga kepentingan parti, jaga kedudukan parti dan kita

tidak mahu berlaku apa-apa dalam parti nanti yang menyebabkan kita berbalah dan sebagainya.

"Kalau bahagian sama ada di Kelantan atau sebagainya berpendirian mereka perlu mengambil tindakan tertentu, itu adalah kebebasan mereka untuk menjaga kepentingan bahagian mereka atau badan perhubungan Umno negeri," katanya.

FAKTA NOMBOR

Keahlian Umno

85,296

Ahli baru

19,892

Ahli baru di Terengganu